



Tarikh: 07/09/2001 bersamaan 19 Jamadilakhir 1422

• Keluaran Jumaat •

Bil: 12

## Dari Meja TNC (HEP)



Y. Bhg. Dato' Profesor Dr. Hashim Yaacob

## SABARLAH DAN BERSYUKUR

Pinjaman PTPTN telah ditubuhkan oleh kerajaan untuk membantu beribu-ribu mahasiswa membiayai pelajaran di IPTA. Sebelum adanya pinjaman PTPTN ini, mahasiswa terpaksa mencari punca lain.

Tetapi setelah pinjaman PTPTN diberikan kepada mahasiswa, banyak pula timbul ketidakpuasan dihati mahasiswa. Semuanya disebabkan oleh sedikit kerumitan dalam menyampaikan pinjaman ini kepada mahasiswa. Puncanya bukan sahaja daripada pentadbiran tetapi daripada pihak mahasiswa juga, seperti tidak mengisi borang dengan tepat.

Kemudahan pinjaman PTPTN yang diberikan kepada anakanda ini adalah kemudahan yang diberikan oleh kerajaan dan bukannya menjadi hak mutlak anakanda. Oleh itu, anakanda hendaklah bersyukur di atas anugerah ini.

Kelemahan-kelemahan pentadbiran yang ada sekarang ini sedang ditangani dengan sebaik-baiknya oleh pihak

## Pesan Mama

Pesan Mama pada Anakanda  
bernaunglah di bawah namamu sukma.  
Jadilah kalian Sri Rama dan Laksemana:  
Tajam mata, terus telinga.  
Baik budi bahasa, tertib manis  
tutur kata.

Di mana pun berada, orang tetap suka.

Jangan seperti Mah Babu Kenung dan Rawana:  
juling mata, kelulut di telinga.  
Buruk budi bicara, kesat ucap kata.  
Di mana saja berada, orang jadi merana.

### Pesan Mama Anakanda

Berpayunglah di bawah namamu hana.  
Jadilah kau Siti Dewi:  
Halus pekerti, rendah hati,  
pandai jaga diri  
suci bak puteri dewi.  
Di mana pun berada, orang tetap sudi.

Anak-anakku, ini pesan mama  
jangan lupa sampai bila-bila.

\*\*\* Hashim Yaacob  
TNC (HEP)

pentadbiran. Tidak ada satu pun sistem dalam dunia ini yang boleh menjadi "perfect" atau sempurna dalam sekilip mata.

Anakanda dan ayahanda sendiripun bukan "perfect" dan sempurna. Sabarlah anakanda. Islam mengajar kita begitu. Janji kita, sistem ini sedang giat diperbaiki.

# SECANGKIR KOPI KELAT....

oleh: Abdul Jalil Othman  
Pensyarah Fakulti Pendidikan

**A**ntara harimau yang bertaring panjang dengan harimau yang tidak bergigi, kalibernya tentulah berlainan. Antara orang yang berjaya dengan mereka yang tidak berjaya tentu juga banyak bezanya. Pertama, cara mereka berfikir dan yang keduanya, tingkah laku yang mereka amalkan.

Orang yang berjaya selalunya berfikiran positif dan tindak tanduk mereka juga kelihatan positif. Mereka bukan sahaja berjaya, bahkan dapat menampakkan kejayaan mereka itu kepada orang lain. Orang yang tidak berjaya pula bukanlah kerana mereka tidak mahu berjaya. Cara mereka berfikir itulah yang membuat mereka jadi

begitu. Pada ketika-ketika tertentu, tingkah laku mereka juga tidak menentu. Lalu jadilah mereka ini perantau tanpa destinasi!

Stail dan gaya hidup orang yang berjaya lain pula halnya. Mereka dapat memperlihatkan estim diri yang tersendiri. Semakin tinggi estim dirinya, semakin mudah untuk menjadikan orang terpengaruh dengan sikap dan cakapnya. Apa yang mereka perkatakan akan berupaya menarik perhatian orang lain.

Kita mudah untuk katakan orang ini atau orang itu berjaya. Kita juga mudah untuk menganggap orang ini atau orang itu tidak berjaya. Seperti juga kita

melihat seekor harimau, sekadar mendengar ngauannya belum tentu kita tahu kejayaannya. Selagi kita tidak melihat taringnya selagi itu kita tidak dapat meneka 'end result' nya. Walau apapun, orang yang berjaya belum boleh dianggap berjaya jika kejayaannya itu tidak membawa sebarang aset kepada dirinya, masyarakat dan negara!

Ingatlah kata-kata ini. Pertama: *If a man can write a better book, preach a better sermon, or make a better bread than his neighbour, though he build his house in the woods, the world will make a beaten path to his door.* Keduanya: *If you wish success in life, make perseverance your blossom friend, experience your wise counselor, caution your elder brother, and hope your guardian genius.*

## MAHASISWA: BUDAYA CACAMERBA?

oleh: Mohd Fakhrulrazi Ibrahim

Mahasiswa! Prihatin terhadap isu semasa adalah suatu yang baik. Namun cenderung untuk terlibat sama perlu diteliti terlebih dahulu. Ini bukan bererti mahasiswa tidak mengambil tanggungjawab atau menjadi warga yang tidak bertanggungjawab. Sebagai individu yang terpelajar, mahasiswa perlu faham apa itu tanggungjawab.

Menelusuri kehidupan sebagai mahasiswa adalah suatu yang menarik dan amat bermanfaat. Di ketika ini, mahasiswa akan terdedah dengan pelbagai idea, belajar pelbagai perkara, namun kekuatan menyaring adalah keupayaan yang amat berguna.

Mahasiswa yang mampu menyusun semua itu mengikut landasan yang betul pastinya menjadi manusia berguna, namun mereka yang membiarkan diri dibawa arus tanpa arah, tanpa tujuan yang bermakna, hidup mereka berbudayakan cacamerba. Soalnya, teraturkah budaya hidup mahasiswa kini? Mahasiswa yang berbudaya cacamerba sering kali lupa matlamat utama pengajian mereka. Mereka terlibat dengan berbagai budaya yang

pada fikiran mereka semuanya perlu dilaksana. Mereka lupa matlamat asal dan pesanan keluarga mereka untuk berkampung di menara gading. Lantas mereka keluar dengan ilmu yang sedikit dan pengalaman yang sempit.

Mahasiswa! Sila tenung rakan tauhan di kiri kanan anda. Tentu ada yang berjaya menyusun kegiatan harian mereka dengan cemerlang. Siapakah mereka? Mereka adalah mahasiswa yang hidupnya berbudaya dengan budaya mengejar ilmu dan pengalaman. Mereka adalah mahasiswa kebanggaan semua.

Ada dari kalangan mereka cemerlang dalam pengajian dan hebat berkegiatan. Mereka menjadi wakil universiti hingga ke peringkat kebangsaan. Penglibatan mereka mempunyai kaitan yang rapat dengan ilmu dan pengetahuan dan tidak menyimpang daripada matlamat asal pembelajaran.

Mahasiswa! Jangan nodai budaya hidup anda dengan budaya cacamerba, kerana anda pembawa obor kecemerlangan bangsa dan negara.

# MAHASISWA PERLU TAHU

**PENGANUGERAHAN  
Biasiswa Sanwa Bank  
Foundation**

Satu majlis penyerahan sijil kepada penerima Biasiswa Sanwa Bank Foundation telah diadakan di Pejabat Timbalan Naib Canselor (HEP) pada hari Isnin 3 September 2001.

Pengarah Eksekutif The Sanwa Bank Foundation Mr. Shinya Endo telah menyampaikan sijil penganugerahan biasiswa tersebut kepada enam orang pelajar. Semua pelajar yang menerima biasiswa ini adalah pelajar dalam Tahap Akhir dari Jabatan Pengajian Asia Timur dan Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran.

1. Ng Peng Ling
  2. Ang Hui Ling
  3. Yap Fui Chin
  4. Suhaizan Sazali
  5. Kuan Kai Chin
  6. Reza Shermizi Mohd Adzmi

Nilai basiswa adalah RM5,000.00 setahun. Majlis ini dihadiri bersama oleh Timbalan Dekan, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Dr. Rohana Jani, Ketua Jabatan Pengajian Asia Timur, Dr. Faizah Yunus, Cik Zamzulaila Zakaria dan Puan Aziah Saad.

Majlis ini diakhiri dengan jamuan makan tengahari di PJ Hilton yang dibayai oleh pihak penaja.

**BORANG LATIHAN**  
**Hal Ehwal Pelajar (HEP)**

- ◆ Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah mengedarkan Borang Latihan HEP semasa Minggu Haluansiswa Universiti Malaya sesi 2001/2002. Setelah diteliti dan dikemaskini maklumat dari borang yang telah dikembalikan kepada HEP, didapati masih ada mahasiswa tahun pertama yang gagal mengembalikan borang tersebut.
  - ◆ HEP ingin mengingatkan mahasiswa tahun pertama yang belum menyerahkan Borang Latihan kepada HEP agar berbuat demikian dengan kadar segera. Bagi mahasiswa yang hilang borang tersebut, mereka boleh mendapatkan borang yang baru di kaunter HEP.
  - ◆ Pihak HEP akan menyenaraikan nama mahasiswa tahun pertama yang telah mengembalikan Borang Latihan tidak lama lagi. Mahasiswa yang tidak menyerahkan borang tersebut akan dikenalpasti bagi tindakan-tindakan seterusnya.
  - ◆ Beberapa siri latihan akan dianjurkan dan diuruskan oleh pihak HEP khususnya semasa cuti semester pertama yang akan datang. Mahasiswa Tahun Pertama diminta mengambil perhatian.

# BAHASA KITA BAHASA DUNIA

## Penggunaan Kata Ganti Singkat "Ku"

*A*da beberapa fungsi kata ganti singkat *ku*. Yang pertama ialah sebagai "pemilik". Untuk fungsi ini, *ku* disatukan dengan kata nama yang mendahuluinya.

Contoh penggunaan:

- i. Kami berdoa agar dilanjutkan usia *Tuanku*.
  - ii. *Pendapatanku* hanya cukup untuk menyara anak *isteriku*.
  - iii. Pada *fikiranku*, elok kalau kita ke *rumahku* dahulu.

## Wise Words

One of the secrets of life is to make stepping stones out of stumbling blocks.

 Jack Penn

*Sumbangan:  
Puan Rohani Ramly*

Fungsi kata ganti singkat *ku* yang kedua adalah sebagai "pelaku". Kata ganti singkat *ku* sebagai pelaku hendaklah disatukan dengan kata dasar yang ada selepasnya untuk membentuk kata kerja pasif. Ejaan kata menjadi salah kalau *ku* dirangkaikan dengan tanda sempang atau dipisahkan daripada kata dasar yang mengikutinya. Contoh:

Betul	Salah
kucari	ku-cari; ku cari
kubalas	ku-balas; ku balas
kusampaikan	ku-sampaikan; ku sampaikan
kucintai	ku-cintai; ku cintai
kupersoalkan	ku-persoalkan; ku persoalkan

Contoh penggunaan:

- i. Di manakah akan *kucari* wang sebanyak itu?
  - ii. Tidak mungkin akan dapat *kubalas* budimu selama-lamanya.
  - iii. Mereka terpegun mendengar ucuapan yang *kusampaikan*.
  - iv. Itulah orangnya yang *kucintai*!
  - v. Perkara yang *kupersoalkan* bukanlah rancangannya tetapi pelaksanaannya.

Bersambung di keluaran ke 13

# Kenali Warga HEP

# B

Beliau merupakan anak kelahiran Kuala Lumpur memiliki Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Universiti Malaya dan pada tahun 2000 telah memperolehi Ijazah Sarjana Muda Jurisprudence (Eksternal) juga dari Universiti Malaya.

Berpengalaman selama 25 tahun sebagai Penolong Pendaftar di Universiti Malaya. Sejak 1976 sehingga sekarang, beliau pernah berkhidmat di Seksyen Kemasukan dan Rekod, Fakulti Perubatan, Fakulti Undang-Undang, Fakulti Pergigian, dan Bahagian Sumber Manusia. Bermula 16 Ogos 2001, beliau mula berkhidmat di Bahagian Hal Ehwal Pelajar.

Beliau meletakkan harapan kepada warga Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP), agar lebih peka terhadap isu-isu yang melibatkan pelajar. Semaikan profesionalisme dalam budaya kerja sehari-hari di HEP dan layanlah pelajar dengan penus mesra dan kasih sayang seolah-olah mereka anak kita sendiri.

Moto Hidup: *Never fear to speak the truth and stand up for your rights.*



Jodhy Agamutu

## Pemimpin Persatuan Pelajar

### PRESIDEN PERSATUAN MAHASISWA KEDAH (PERMADAH)

Saudara Ismail bin Hussain merupakan anak kelahiran Padang Terap, Kuala Nerang, Kedah. Beliau mendapat pendidikan awal di Padang Terap, seterusnya ke Sekolah Menengah Agama Ahmadiah Padang Terap, Sekolah Menengah Ugama Raudzatul Ulum Langgar, Sekolah Kebangsaan Agama Kedah, Mergong dan kini di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.



Ismail Hussain

PERMADAH telah didaftarkan pada 8 Julai 1976 dan kini penasihatnya adalah Prof. Madya Dr. Fadzim Othman. Sebagai **Presiden PERMADAH**, beliau telah meletakkan misi persatuan untuk melahirkan individu yang berdaya saing, cemerlang dalam akademik dan kepimpinan serta mempunyai keterampilan diri yang baik. Beliau berharap agar persatuan ini menjadi sebuah persatuan yang hebat dan boleh menyumbang untuk pembangunan anak-anak negeri Kedah. Sokongan kerajaan negeri adalah faktor paling penting bagi merealisasikan hasrat ini. Untuk seluruh mahasiswa, "Tumpukan kepada kecemerlangan akademik. Jadilah tauladan kepada masyarakat dan jangan melibatkan diri dengan perkara-perkara yang buruk."

## Dairi HEP

### 8 September 2001

Sukaneka staf Universiti Malaya, jam 8.00 pagi di Padang Hadapan Kolej Kediaman Pertama. Hal Ehwal Pelajar akan menghantar Pasukan Jalak Lenteng.

### 10 September 2001

Pertemuan Y. Bhg. Dato' Timbalan Naib Canselor (HEP) bersama Persatuan Puspita Universiti Malaya bertempat di Dewan Perdana 2, Kompleks Perdanasiswa, jam 8.00 malam. Mahasiswa dijemput hadir.

**Derma Darah Kebangsaan 2001**, Kolej Kediaman Kelima, Universiti Malaya. Program ini akan dijalankan seperti berikut:

**Derma Darah Kebangsaan 2001**, Kolej Kediaman Kelima, Universiti Malaya. Program ini akan dijalankan seperti berikut:

A. **13 - 14 Oktober 2001**, di Terminal 1 Seremban (Negeri Sembilan) dan Angsana Plaza (Johor Bahru) dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang.

B. **20 - 21 Oktober 2001**, di Mahkota Parade (Melaka), dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang.

C. **27 - 28 Oktober 2001**, di Bukit Jambul (Pulau Pinang), dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang.

## Makluman

Sebarang penulisan membina dan iklan-iklan yang ingin dimuatkan di dalam Bicara HEP boleh dikemukakan kepada:

**Bahagian Hal Ehwal Pelajar**  
Blok E, Kompleks Perdanasiswa  
Universiti Malaya.

Untuk perhatian:  
Encik Mohd Fakhruлazi atau  
Encik Abdul Razak Halifa

Tel: 79673563/3291 Faks: 79568611

• • Redaksi • •

### Penasihat

Y. Bhg. Dato' Prof. Dr. Hashim Yaacob  
Timbalan Naib Canselor (HEP)

### Penggerak/Jawatankuasa

Puan Rohani Ramly  
Encik Mohd Fakhruлazi Ibrahim  
Encik Abdul Razak Halifa  
Encik Azim Aziz  
Encik Mohd Na'aim Muhd Noh